

Pengawal, Gereja dan Negara

Dengan hati yang bersukacita, kita mengucapkan syukur kepada Allah kerana Dia telah memberkati Gereja Methodist di Malaysia dengan menjadikan School of Intercessors (13-15/06/2016, di Port Dickson Methodist Centre) berhasil. Kita bersyukur kerana para pastor, pemimpin-pemimpin gereja, dan pendoa-pendoa syafaat diteguhkan dan disegarkan melalui (1) ibadah dan sesi pengajaran; (2) perjalanan dalam stesen-stesen doa; (3) masa doa-doa syafaat; (4) persekutuan bersama dan galakan; dan (5) semangat 'connectional' Methodist yang kuat.

Saat kita kembali ke tempat masing-masing, biarlah Allah Tritunggal akan terus mendalami semangat dan komitmen kita untuk berdoa bagi Negara yang kita cintai, Gereja-gereja di Malaysia, dan semua rakyat di tanahair ini. Saat kita berterusan untuk berdoa, sila juga masukkan bahan-bahan doa berikut:

1. Mendalamkan Pertumbuhan Peribadi

- Berdoa agar Allah Tritunggal akan mendalamkan lagi kelaparan kita untuk firman-Nya, dan untuk masa kualiti ibadah yang lebih mendalam kepada-Nya.
- Berdoa agar usaha kita untuk mencapai kesalehan dalam kesucian hati dan kehidupan akan dipertingkatkan. Kehidupan seorang pendoa syafaat seharusnya hidup berjalan / melangkah bersama dengan Roh Kudus.
- Pray for strengthening of our sensitivity to the person, presence and power of the Holy Spirit and we keep aligning ourselves as we pray forward for our Country, the Malaysian Church, and the people here.
- Berdoa agar kepekaan kita terhadap seseorang, kehadiran dan kuasa Roh Kudus itu diperkuatkan, dan sentiasa menyelaraskan diri kita ketika melangkah untuk berdoa bagi negara kita, gereja-gereja di Malaysia dan penduduk di sini.

2. Sebuah Gereja Pengawal untuk Tanah ini

- Berdoa untuk Persidangan Agung/Am (20-23 / 09; pilihan raya Episkopal dan ulasan bagi Disiplin) dan semua Persidangan Tahunan (25/10-27/11; pilihan raya Presiden, pemilihan pemimpin jemaah dan semua ahli Lembaga').
- Berdoa untuk semua pastor kita, pemimpin-pemimpin gereja, dan pendoa syafaat agar mereka lebih berkomitmen dalam panggilan untuk menjadi pendoa-pendoa syafaat dan/atau pengawal untuk negara kita dan rakyatnya.
- Berdoa agar Tuhan akan membangkitkan dan memupuk pendoa syafaat yang dipanggil untuk menjadi Pengawal Isakhar bagi tanah ini. Berdoalah agar Allah mewahyukan pelan yang sesuai untuk sinergi dan menggerakkan pendoa syafaat berdoa untuk isu-isu utama negara.

DOA M24/7

3. Berdoa untuk negara kita

- Berdoa agar Peguam Negara dan peguam-peguam akan melaksanakan tugas dengan hati nurani yang baik dan adil supaya keadilan akan ditegakkan secara menyeluruh.
- Terlebih dahulu berdoa untuk campur tangan Tuhan terhadap sidang Parlimen yang akan datang pada bulan Oktober, di mana Bil PAS Private Members akan dibentangkan dan dibahaskan.
- Berdoa untuk ahli Parlimen yang benar dan pegawai-pegawai Kerajaan untuk menegakkan hak asasi manusia dan bersuara untuk keadilan. Berdoa untuk menentang rancangan rahsia dalam melaksanakan undang-undang Syariah melalui pelbagai pentadbiran negeri dengan tujuan akhirnya mengislamkan Perlembagaan Persekutuan dan menyelaraskan semua undang-undang di bawah hukum hudud.

Doa Sekretariat M24/7 (01/04/2016)